

Buletin

Safar 1446H/ Ogos 2024

e-ISSN: 2600-8289

ACIS



MALAYSIA
MADANI
Jiwa Merdeka

Puisi: Filem Patriotik Memerdekakan Diri, Akal dan Budi



Oleh:

Shahril Anuar Abdul Ghafirin

Pensyarah Kanan, Fakulti Komunikasi dan
Pengajian Media (FKPM),
UiTM Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Bulan kemerdekaan bergema megah
Rakyat bersatu teguh berdiri
Filem patriotik tidak tersanggah
Keaslian kisah menggamit memori

Filem patriotik dikata gerhana
Kedinginan penghasilan kisah perjuangan
Populariti dipersoal mengharapkan sempurna
kelangsungan minat lesu sokongan

Gagah pahlawan mendepani sejarah
Bangkit menentang terus perjuangkan
Pembikinan terikat maksud terarah
Karya seni dan sasaran pendidikan

Di layar perak maksud tersirat
Lakonan mencorak tanggapan dikritik
Karyawan mengangkat kewajipan diibarat
Realiti industri filem patriotik

Filem patriotik perantara zaman
Pengkisahan visual rakaman abadi
Teruskan penghasilan bangkitkan keazaman
Memerdekakan diri, akal dan budi